

Fastest 4G Mobile Internet with Voice

YTL COMMUNICATIONS SDN. BHD. 793634-V


19th Floor, One Oriental Place, No. 1, Jalan Hang Lekiu, 50100 Kuala Lumpur, Malaysia.

T +6018 799 8888 F +6018 799 8828 www.yes.my

Ruj Kami : YTL/PMO/1BN/10/2016/0114

Tarikh : 9hb Disember 2016

PENGARAH
BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Persiaran Bukit Kiara
50604 Kuala Lumpur
Malaysia



Tuan,

PENAMBAHBAIKAN APLIKASI KUIZ "FROGPLAY" DI DALAM VLE FROG

Dengan segala hormatnya kami merujuk kepada perkara di atas

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak kami akan melaksanakan kerja-kerja penambahbaikan aplikasi kuiz "FrogPlay" di dalam FROG VLE untuk sekolah-sekolah 4G. Penambahbaikan ini merangkumi:

- Kuiz-kuiz Bahasa Inggeris percuma
- Maklumat analitik untuk aplikasi kuiz
- Permainan (*game*) selepas menjawab kuiz

Ingin kami menarik perhatian, bahawa para pelajar juga boleh menjawab soalan kuiz tanpa bermain permainan menerusi pilihan QuickFire.

3. Kerja-kerja penambahbaikan ini akan dilaksanakan pada minggu pertama bulan Januari 2017. Maklumat selanjutya berkaitan aplikasi kuiz FrogPlay akan disalurkan melalui halaman "What's New" di Learn Centre atau di laman sesawang <https://frogasia.com/learncentre> setelah kerja-kerja penambahbaikan diselesaikan.

Kerjasama pihak tuan untuk memaklumkan berkenaan penambahbaikan ini kepada pihak JPN, BTPN, PPD dan sekolah-sekolah yang terlibat amatlah kami hargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar
YTL Communications Sdn Bhd

Yeap Choon Hooi
Ketua Pegawai Kontrak